

13 AUG 2001

NEGARA: PERMOHONAN DITOLAK JIKA NOMBOR K/P TIADA DI JPN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata permohonan untuk mendaftar sebagai pengundi akan ditolak oleh komputer sekiranya nombor kad pengenalan pemohon itu tidak wujud dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Dr Mahathir berkata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mula menjalankan sistem pendaftaran "on-line" dengan rekod di JPN.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Nosimah Hashim pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Dr Mahathir berkata pada hari pengundian pula, SPR menggunakan kepakaran pegawai-pegawai JPN untuk mengesan jika ada pengundi memiliki dokumen yang diragui.

Katanya, SPR sentiasa berusaha menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu "pengundi hantu" dan telah menjalankan semakan teliti dengan JPN sejak tahun lepas bagi menentukan kesahihan status kewarganegaraan setiap orang yang berdaftar sebagai pemilih.

Nama orang berkenaan akan dikeluarkan daripada daftar pemilih SPR sekiranya semakan itu mendapati status kewarganegaraannya diragui atau tiada dalam rekod JPN, katanya.

Ini membolehkan daftar pemilih sentiasa dikemas kini sejajar dengan Peraturan 19, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 1971 dan menjamin tiada masalah pengundi hantu, kata beliau.

-- BERNAMA

RZS RZS NMO